



## **PENGERTIAN UMUM PENYELIDIKAN**

- Mencari sesuatu yang belum diketahui.
- Mencari jawapan kepada persoalan secara saintifik.
- Menyelesaikan masalah secara sistematik.
- Proses pemerhatian terhadap sesuatu sifat pembolehubah secara sistematik dengan tujuan untuk mencari perkaitan antara pembolehubah.
- Proses mengumpul, menganalisis dan melaporkan maklumat untuk menyelesaikan masalah.

## **MENGAPA PERLU MEMBUAT PENYELIDIKAN**

- **Menambah / meluaskan maklumat.**
- **Mengesahkan sesuatu.**
- **Menyelesaikan sesuatu masalah / Membuat sesuatu keputusan. Contohnya masalah ponteng di kalangan pelajar.**
- **Menyebarkan dan meningkatkan ilmu. Contohnya PORIM menemukan pelbagai kegunaan kelapa sawit.**
- **Mempertingkatkan kualiti @ kemampuan sesuatu yang telah sedia ada. Contohnya industri automobil.**
- **Adanya geran atau pembiayaan yang disediakan.**
- **Untuk memenuhi keperluan kenaikan pangkat.**
- **Untuk memenuhi keperluan program yang diikuti. Contohnya PSM, tesis sarjana dan Ph. D.**

## SIFAT PENYELIDIKAN

### SAINTIFIK

- Sesuatu aktiviti yang terhasil daripada proses pembuktian secara sistematik

***Induktif:*** Daripada pemerhatian khusus dibuat satu kesimpulan. Misalnya, sekiranya setiap kali dilakukan pemerhatian didapati lebih banyak pelajar yang aktif belajar pada waktu pagi, maka dibuat kesimpulan bahawa pelajar memang suka belajar pada waktu pagi.

***Deduktif:*** Daripada kesimpulan dibuat pemerhatian khusus. Misalnya, pelajar Sekolah A telah dikategorikan sebagai pelajar cemerlang, maka pemerhatian dilakukan untuk melihat perkara-perkara yang berkaitan dengan kecemerlangan tersebut (seperti cara belajar, pembahagian masa, sokongan keluarga dan sebagainya).

### EMPIRIKAL

- Dapatan yang sama boleh diperolehi sekiranya penyelidikan tersebut diulang-uji sama ada oleh penyelidik yang sama atau penyelidik lain.



## ETIKA PENYELIDIKAN

- **Aspek kemanusiaan perlu diberi pertimbangan utama semasa merancang dan menjalankan sesuatu penyelidikan.**
- **Tanpa kerjasama yang erat daripada semua pihak yang terlibat dengan sesuatu penyelidikan yang dijalankan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sudah tentulah apa yang kita kehendaki atau dicari tidak akan diperolehi dengan baik.**



## ETIKA PENYELIDIKAN (Sambungan...)

- Langkah pertama setiap penyelidik perlu mewujudkan hubungan baik (*rapport*) dengan setiap orang yang terlibat dalam penyelidikan tersebut. Setiap penyelidik perlu mesra, jujur, bertolak ansur, serta mempunyai sifat kesabaran yang tinggi semasa menjalankan penyelidikan. Cara penyelidik berinteraksi dengan mereka yang terlibat menentukan kejayaan sesuatu penyelidikan yang dijalankan.
- Sebelum memulakan sesuatu penyelidikan, penyelidik perlu mempertimbangkan aspek etika dan perundangan. Responden mempunyai hak untuk menyaman atau berhenti daripada terlibat dalam sesuatu penyelidikan pada bila-bila masa. Misalnya responden berhak membuat laporan polis jika terdapat bukti penyelidik mendedahkan rahsia mereka, atau mereka mendapati penyelidik tidak jujur. Penyelidik harus bersikap jujur.